

Bersama

Umumnya mengetahui bahawa PM Dr. Abdul Hamid merupakan Dekan bagi Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik. Bolehkah Dr. ceritakan serba sedikit tentang PPK Mekanik sejak awal penubuhan sehingga kini?

PPK Mekanik ditubuhkan pada tahun 2003, dengan En Zol Bahri sebagai Dekan yang pertama, diikuti pula dengan Prof Dr Sazali Yaacob pada tahun 2005 dan saya sendiri pada tahun 2007. PPK ini yang pertama menawarkan tiga program pengajian kejuruteraan peringkat Sarjana Muda di UniMAP. Dan juga, pada ketika ini, PPK Mekanik juga yang paling 'diversified' dari segi keperlbagaian pengkhususan penawaran kursus.

Apakah kursus-kursus yang ditawarkan oleh PPK Mekanik dan kepentingan kursus tersebut kepada bidang industri amnya dan UniMAP khususnya?

PPK Mekanik pada mulanya menawarkan pengajian Kejuruteraan Mekanik, iaitu pada tahun 2003. Kemudian dalam tahun 2005 kami mula menawarkan program pengajian Kejuruteraan Mekanikal, dan seterusnya di dalam tahun 2006 ditawarkan program Kejuruteraan Elektronik Biomedikal serta Diploma Kejuruteraan Mekanik.

Seperti yang kita tahu, UniMAP telah ditubuhkan untuk memberi penekanan kepada industri elektronik / mikroelektronik serta industri-industri yang menyokong kepada kedua-dua tadi. Ini juga merujuk kepada industri pembuatan dan automasi serta pembangunan produk. Program-program pengajian yang ditawarkan oleh PPK Mekanik mengambil kira keperluan industri yang berkenaan.

Bagaimana pula dengan kemudahan pembelajaran untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran. Dan adakah kemudahan yang sedia ada ini dapat menampung jumlah pelajar?

Kita amat beruntung dengan adanya pihak pentadbiran Universiti yang amat peka terhadap segala keperluan pengajaran dan pembelajaran serta prasarana lain yang diperlukan, bukan sahaja untuk PPK Mekanik, tetapi keseluruhan Universiti ini. Pada waktu ini, PPK Mekanik mempunyai 26 makmal yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan canggih untuk membantu dari segi pengajaran dan pembelajaran. Kita mengamalkan pendekatan practical-oriented, menggunakan kemudahan makmal untuk membantu pemahaman pelajar dari segi teori, juga untuk latihan di dalam analisa, sintesis serta rekabentuk.

Di samping itu juga, peralatan yang disediakan di makmal-makmal kami berupaya membina expertise atau kepakaran kami sendiri dalam bidang-bidang yang ditawarkan.



Setakat ini, adakah Dr. berpuas hati dengan pencapaian akademik pelajar PPK Mekanik. Adakah prestasi pelajar mencapai sasaran yang ditetapkan?

Pencapaian para pelajar PPK Mekanik semakin tahun semakin baik. Tetapi kami di PPK Mekanik tidak pernah complacent, dan akan terus-menerus menjalankan usaha untuk meningkatkan lagi prestasi para pelajar. Untuk bersaing di arena antarabangsa, kita tidak boleh berpuas hati dengan apa yang telah dicapai, tetapi mesti mempunyai usaha yang berterusan untuk memperbaiki prestasi hari ini.

Bagaimanakah pula dengan peluang kerjaya bagi pelajar yang mengikuti kursus di bawah PPK Mekanik?

Para graduan dari PPK Mekanik mempunyai peluang kerjaya yang meluas. Oleh kerana kami menawarkan tiga program pengajian yang berlainan, industri pilihan yang boleh dimasuki para graduan kami boleh jadi berlainan. Mereka boleh bekerja di industri pembuatan, service, maintenance, penyelidikan dan sebagainya.

Selain daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran, apakah program dan aktiviti yang dijalankan oleh pusat pengajian?

PPK Mekanik amat menitik-beratkan aktiviti para pelajar selain dari pengajaran dan pembelajaran. Kita mempunyai kelab Mekanik, dan semua pelajar yang berdaftar dengan mana-mana program pengajian di PPK ini secara automatik menjadi ahli. Di bawah kelab ini juga, kita ada Special Interest Groups atau SIG. SIG ini, seperti Robotics SIG, menjadi satu avenue atau cara untuk para pelajar yang mempunyai minat dan kecenderungan yang sama untuk menganjurkan dan menjalankan aktiviti yang spesifik, dan tanpa perlu mempunyai struktur pertubuhan yang formal. Ini disebabkan kesemua SIG berada di bawah payung kelab, dan ini memudahkan para pelajar untuk menjalankan aktiviti mereka.

Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik **PROF. MADYA DR. ABDUL HAMID ADOM**

Melalui kelab, atau SIG ini, mereka terlibat di dalam memperkembangkan pengetahuan serta minat mereka kepada masyarakat sekeliling. Sebagai contoh, apabila kita mengadakan pesta Konvo, para pelajar menggunakan SIG ini untuk mempamer serta mempromosi robot, atau apa yang mereka minat. Dengan secara tidak langsung, ini dapat mencapai matlamat yang berganda: para pelajar dapat membina kebolehan berkomunikasi, dapat berkhidmat kepada masyarakat, menambah pengetahuan mereka dalam bidang yang mereka pilih, dan akhir sekali menjalankan promosi untuk Universiti mendekati masyarakat.

Selaku Dekan, apakah pendekatan dan strategi yang digunakan untuk menambahbaik PPK Mekatronik bagi merealisasikan hasrat UniMAP serta perancangan pada masa akan datang?

Saya percaya yang paling penting adalah untuk sesuatu organisasi itu untuk mempunyai Visi serta Misi, dan strategi untuk mencapainya. Visi dan Misi PPK tersebut juga mesti selari dengan hasrat dan aspirasi Universiti itu sendiri. Seterusnya PPK Mekatronik memilih pasukan yang terbaik untuk menjalankan pelan strategik tersebut. Ini dijalankan di kesemua peringkat, agar staf-staf tahu akan hasrat PPK, serta tugas dan tanggungjawab mereka untuk merealisasikan aspirasi tersebut. Dan tugas saya sebagai Dekan adalah untuk memastikan kesemua ini berjalan dengan lancar, serta bersama dengan kesemua J/K yang ada di PPK ini, memberi penyelesaian kepada apa-apa masalah yang mungkin akan membantutkan pencapaian kami.



Setakat hari ini, apakah cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh Dr. dalam meningkatkan pencapaian akademik di UniMAP agar setaraf dengan universiti konvensional yang lain?

Saya rasa soalan ini kurang tepat, kerana pencapaian akademik kita di UniMAP sudah setaraf dengan universiti konvensional yang lain. Tetapi seperti yang telah saya katakan tadi, kita di UniMAP tidak akan selesa dengan apa

yang telah tercapai, tetapi akan terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan yang lebih tinggi lagi.

Apakah harapan Dr. terhadap warga UniMAP umumnya dan pelajar khususnya?

Kita kena sedar setiap dari kita mempunyai tanggungjawab di dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan dan memastikan Universiti ini mencapai segala aspirasinya. Saya amat berharap warga UniMAP berkongsi perasaan tanggungjawab ini, dan para pelajar mengambil peluang yang telah diberikan untuk mencapai kemajuan. Kemajuan bukan sahaja dari segi akademik, tetapi juga dari segi pembangunan insan itu sendiri. Inilah yang sering diulang oleh Y. Bhg. Dato' Naib Canselor sendiri dengan moto UniMAP iaitu Ilmu, Keikhlasan dan Kecemerlangan.

